

**PEKELILING PENGARAH TANA H DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1966**

=====

**MENGUNAKAN PEN MATA BULAT (BALL-POINT PEN)  
DALAM BORANG JUAL BELI, D.L.L DAN DAFTAR GERAN**

-----

Perenggan 11 dalam Jadual Kesepuluh kepada Kanun Tanah Negara menetapkan bahawa tanda tangan dan tulisan atas sebarang borang mestilah ditulis dengan dakwat hitam atau biru / hitam yang tahan lama.

2. Jabatan Kimia telah menasihatkan bahawa tidak pasti hendak mengatakan semua pen mata-bulat ialah daripada jenis dakwat yang tahan lama, oleh kerana kekurangan keterangan yang tegas daripada kilang-kilang yang mengeluarkan pen itu berkaitan dengan bahan-bahan yang digunakan bagi membuat dakwat itu. Jabatan itu juga menerangkan dua faedah yang ternyata menggunakan dakwat cair daripada dakwat pen mata – bulat berkaitan dengan dokumen-dokumen yang mustahak, iaitu :-

- (1) Sekiranya tulisan dengan dakwat cair yang tahan lama itu turun warnanya sebelum waktunya atau disapu dengan menggunakan kimia, maka adanya garam besi yang tinggal melekat akan membolehkan tulisan-tulisan itu dihidupkan semula cara kimia; dan
- (2) Dari segi pendapat Pemeriksa Dokumen, tanda tangan yang ditulis dengan mat-pen yang biasa dengan menggunakan dakwat cair yang tahan lama lebih mudah dianalisa daripada tanda tangan yang ditulis dengan pen mata-bulat, sekiranya berbangkit soal dengan sama ada sesuatu tanda tangan itu sah atau palsu,

dan oleh hal yang demikian maka Jabatan itu menasihatkan untuk sementara waktu ini segala dokumen-dokumen yang mustahak umpamanya Borang-Borang Jual Beli dan Daftar Geran hendaklah diteruskan ditulis dengan dakwat yang cair sama ada hitam ataupun biru/hitam yang tahan lama.

3. Ada pun nasihat yang diatas itu telah disetujui oleh mesyuarat Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tanah dan Galian pada 19hb dan 20hb September 1966 dan semua Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki melaksanakan dengan serta merta.

T.T  
**(JOHAN BIN MOHD YASSIN)**  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

PTG.Sel.759 (2)

Kuala Lumpur  
23hb November 1966